

RON97 naik 10 sen, harga RON95, diesel kekal

Pekan: Harga runcit petrol RON97 naik 10 sen daripada RM2.57 kepada RM2.67 seliter; manakala RON95 dan diesel kekal, masing-masing RM2.08 seliter dan RM2.18 seliter berkuat kuasa tengah malam tadi.

Kementerian Kewangan dalam kenyataan semalam, memaklumkan harga bahan api itu ditetapkan bagi tempoh 20 hingga 26 Julai ini berdasarkan penetapan harga runcit produk petroleum secara mingguan

menggunakan formula Mekanisme Harga Automatik (APM). Berdasarkan pengiraan di bawah formula APM, harga runcit produk petrol RON95 dan diesel bagi tempoh sama, masing-masing sepatutnya RM2.37 seliter.

“Namun, harga runcit produk petrol RON95 dan diesel bagi tempoh itu dikekalkan pada paras RM2.08 seliter dan RM2.18 seliter selaras keputusan kerajaan untuk menstabilkan harga runcit bagi produk petroleum

dan mengurangkan kos sara hidup rakyat,” katanya. Menurut kenyataan itu, anggaran subsidi yang perlu ditanggung oleh kerajaan dalam tempoh 20 hingga 26 Julai berjumlah RM179.97 juta.

HARI : _____ SABTU
TARIKH : _____ 20/7/2019
M/SURAT : _____ 18